

INTEGRITI KELUARGA

Keluarga merupakan unit yang terkecil dan terpenting dalam pembentukan sebuah masyarakat dan negara. Ianya merupakan pusat pendidikan yang terulung bagi seorang manusia di awal kehidupannya. Sehubungan dengan itu, keluarga mempunyai peranan yang signifikan dalam membentuk integriti individu sejak manusia berada di dalam kandungan lagi. Keluarga didefinisikan sebagai dua atau lebih individu yang komited di antara satu sama lain dan berkongsi kemesraan, sumber, nilai dan tanggungjawab untuk membuat keputusan serta mempunyai moyang yang sama dan tinggal di bawah bumbung yang sama (Rozumah dan Rumaya, 2002). Walau bagaimanapun, ahli keluarga tidak semestinya tinggal sebumbung sebagaimana definisi lain keluarga yang melihat keluarga sebagai struktur istimewa di mana ahli keluarga mempunyai hubungan darah atau hubungan perkahwinan; merangkumi elemen saling mengharap seperti yang digariskan dalam agama, undang-undang dan dihayati oleh ahlinya (Hammudah Abd Al Ati, 1977).


Terdapat pelbagai bentuk keluarga. Antaranya adalah keluarga nuklear dan keluarga luas. Keluarga nuklear terdiri daripada suami, isteri dan anak. Keluarga luas pula terdiri daripada keluarga nuklear yang tinggal bersama ahli keluarga luas yang lain seperti ibu bapa dan saudara-mara yang lain dalam sebuah rumah yang sama. Ini bermakna, dalam keluarga luas terdapat dua atau lebih generasi tinggal bersama (Rozumah dan Rumaya, 2002). Secara umumnya, kebanyakan keluarga

masa kini terutama di kawasan bandar adalah terdiri daripada keluarga nuklear. Dalam pada itu, bilangan ahli keluarga yang tidak tinggal sebumbung juga kian bertambah kerana menyambung pengajian, bekerja dan berkahwin. Dasawarsa ini, pengantarabangsaan keluarga, iaitu penghijrahan ahli keluarga ke luar negara juga kian bertambah (Tengku Aizan dan Rahimah, 2008) seiring dengan kepesatan arus globalisasi. Perubahan dinamika keluarga yang pesat ini memerlukan pendekatan yang lebih strategik dan terancang untuk memugar integriti dalam kalangan ahli keluarga secara berterusan.

PROSES PEMBENTUKAN INTEGRITI DALAM KELUARGA

Proses pembentukan integriti dalam keluarga bermula sebaik sahaja individu merancang untuk membina keluarga. Rajah 8.1 menunjukkan proses pembentukan integriti dalam keluarga. Integriti yang mantap perlu dibina terlebih dahulu sehingga ianya menjadi kukuh sebat di dalam diri seseorang. Komitmen ini kemudiannya disempurnakan dengan pemilihan pasangan yang juga berintegriti tinggi.

Nilai dan tingkah laku pasangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai dan tingkah laku individu. Apabila mendirikan rumah tangga, matlamat dan kaedah pelaksanaan integriti perlu ditetapkan dengan jelas serta dipersetujui oleh pasangan suami isteri



Rajah 8.1: Proses Pembentukan Integriti dalam Keluarga.